



14 Mac 2013
14 March 2013
P.U. (A) 93

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN
2013

FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN JURUANALISIS MAKANAN

3. Permohonan bagi pendaftaran
4. Pendaftaran
5. Salinan yang diperakui sah perakuan pendaftaran
6. Permohonan bagi perakuan amalan tahunan
7. Pembaharuan perakuan amalan tahunan
8. Salinan yang diperakui sah perakuan amalan tahunan
9. Pameran perakuan amalan tahunan, dsb.
10. Menjalankan amalan selain bidang analisis makanan yang diluluskan
11. Penyenggaraan dan pengemukaan rekod, dsb.

Peraturan

BAHAGIAN III
SIASATAN TATATERTIB

12. Jawatankuasa Tatatertib
13. Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mematuhi tatacara
14. Jawatankuasa Tatatertib boleh menghendaki suatu penyiasatan
15. Aduan terhadap juruanalisis makanan berdaftar
16. Penolakan terus aduan
17. Tatacara siasatan
18. Rekod siasatan hendaklah dikemukakan kepada Majlis
19. Pengendorsan Majlis
20. Anggota yang tidak layak menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis yang menjalankan siasatan apa-apa perkara tatatertib

JADUAL

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Akta Juruanalisis Makanan 2011 [*Akta 727*], Menteri, setelah berunding dengan Majlis, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Juruanalisis Makanan 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2014.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“Akta” ertinya Akta Juruanalisis Makanan 2011 [*Akta 727*];

“Majlis” ertinya Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Akta;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib; dan

“Jawatankuasa Tatatertib” ertinya Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah Akta.

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN JURUANALISIS MAKANAN

Permohonan bagi pendaftaran

3. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai juruanalisis makanan hendaklah membuat permohonan kepada Majlis dalam Borang A.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran sebagai juruanalisis makanan hendaklah disertakan dengan–

- (a) fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) keterangan kelayakan yang diperuntukkan dalam subseksyen 18(1) Akta;
- (c) dua salinan gambar ukuran pasport yang terkini;
- (d) keterangan sokongan bidang analisis; dan
- (e) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis.

(3) Jika pemohon ialah suatu pertubuhan perbadanan, permohonan hendaklah disempurnakan dan ditandatangani oleh seseorang atau orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh pertubuhan perbadanan itu.

(4) Apabila permohonan oleh pemohon itu dikemukakan, Majlis boleh dengan budi bicaranya menerima atau menolak permohonan itu.

(5) Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon itu akan keputusan Majlis berhubung dengan permohonan yang dibuat oleh pemohon itu.